

**CIAK JAWA**  
Javan Sparrow

FAMILI: Estrildidae  
NAMA SAINTIFIK: *Padda oryzivora*

#### **CIRI-CIRI**

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai bulu yang berwarna kelabu manakala bahagian kepala berwarna hitam dan pada bahagian sisi telinga berwarna putih. Ia mempunyai paruh yang besar berwarna merah manakala bahagian perut yang berwarna merah jambu. Pada bahagian atas tongkeng dan ekor berwarna hitam serta bahagian kaki yang berwarna merah. Individu dewasa bagi spesies ini bersaiz lebih kurang 16 cm.

#### **MAKANAN**

Makanan utama spesies ini terdiri daripada bijian di kawasan padang rumput, jagung dan kawasan buluh.

#### **HABITAT**

Burung ini boleh dijumpai di pinggir kawasan hutan, sawah padi dan kawasan berhampiran dengan kawasan manusia selalunya di kawasan tanah rendah.

#### **BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi seperti loceng yang perlahan diikuti dengan bunyi pekikan dan ketukan yang tegang dan tinggi *ti-tui*. Ini termasuklah bunyi *tup*, *t-luk* atau *ch-luk* yang lembut di mana biasanya dihasilkan semasa terbang.

#### **PEMBIAKAN**

Musim membiak bagi spesies ini adalah di antara bulan Jun hingga Julai dan pada bulan Disember. Sarang dibina berbentuk seperti bola di mana terdapat satu ruangan masuk ke bahagian dalam sarang. Sarang ini dibina pada bahagian lubang dinding ataupun pokok pada ketinggian di antara 3.6-15.2 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah di antara 3-5 biji dan berwarna putih.